

31 JAN 2004

DR MAHATHIR LAWAT PROJEK JAMBATAN KE PULAU BUNTING

YAN, 31 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini meluangkan masa hampir 20 minit melawat projek pembinaan jambatan dari Kuala Sedaka dekat sini ke Pulau Bunting.

Beliau diberikan taklimat ringkas berhubung projek berkenaan oleh Pengarah SKS Venture Sdn Bhd Ismail Lal Khan dan Pengarah Urusan Gamuda Bhd Datuk Lin Yun Ling.

SKS Venture Sdn Bhd merupakan pemaju manakala Gamuda Bhd pula ialah kontraktor bagi projek itu.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Penasihat Agama Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman turut mengiringi Dr Mahathir.

Ismail yang ditemui pemberita berkata Dr Mahathir memberi pelbagai idea bagi meningkatkan kemudahan di pulau terbabit sebagai langkah memajukan sektor pelancongan.

Beliau berkata projek jambatan sepanjang 2.2 kilometer yang ketika ini mencecah 52 peratus pelaksanaannya dijangka siap menjelang Oktober tahun ini dan menelan kos RM120 juta.

Katanya pembinaan jambatan yang dimulakan September tahun lepas itu merupakan sebahagian daripada kemudahan yang disediakan selain pelbagai kemudahan lain yang akan dibina di pulau itu bagi menjadikannya sebagai pusat perhentian kapal layar antara Pulau Pinang dan Langkawi.

-- BERNAMA

MAN ROS